

# Pasaran modal Malaysia melonjak RM2.76 trilion

» Kekal berdaya tahan, sumber penting biaya ekonomi

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

**P**asaran modal Malaysia berkembang kukuh kepada RM2.76 trilion pada 2014, bersamaan 2.6 kali saiz ekonomi Malaysia dan kekal berdaya tahan dalam persekitaran ketidakpastian global.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), Datuk Ranjit Ajit Singh, berkata pasaran modal terus menjadi sumber pembiayaan penting bagi ekonomi dengan RM91.9 bilion dikumpulkan melalui tawaran awam permulaan (IPO) dan sekuriti hutang swasta (PDS).

Katanya, penjanaan modal melebihi RM90 bilion bagi tiga tahun berturut-turut itu menunjukkan keluasan kapasiti pasaran modal bagi memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi sebenar Malaysia.

“Malaysia juga mengekalkan kedudukan sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia, dengan menguasai 66 peratus daripada penerbitan sukuk global,” katanya pada taklimat media mengumumkan Laporan Tahunan SC 2014 di Kuala Lumpur, semalam.

## Berkembang pesat

Beliau berkata, pengurusan dana terus menjadi segmen pasaran paling pesat berkembang dengan Aset Bawah Pengurusan (AUM) mencapai tahap melebihi RM600 bilion buat kali pertama iaitu RM630 bilion (+ 7.1 peratus) menjelang akhir tahun.

AUM Islam meningkat kepada RM111 bilion berbanding RM98 bilion pada tahun sebelumnya, sekali gus mencerminkan keupayaan industri untuk berkembang dalam persekitaran pasaran modal Islam Malaysia yang dimudahcarakan.

“Pertumbuhan ini didorong oleh pengembangan saluran untuk pelaburan terurus, dengan nilai aset bersih industri unit amanah meningkat kepada RM343 bilion, yang terbesar di Asia Tenggara,” katanya.

Mengenai perkembangan Skim Persaraan Swasta (PRS),



“**Malaysia juga mengekalkan kedudukan sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia, dengan menguasai 66 peratus daripada penerbitan sukuk global**”

**Ranjit Ajit Singh,**  
Pengerusi Suruhanjaya  
Sekuriti Malaysia

Ranjit berkata, segmen baharu berkembang itu, mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan dengan AUM skim itu meningkat lebih dua kali ganda kepada RM716.1 juta dan keahlian sebanyak 128,977.

Katanya, PRS membentuk tonggak ketiga rangka kerja pencen Malaysia dan bersedia menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan industri pengurusan pelaburan pada masa hadapan.

Pada 2014, SC memulakan fasa pertama kajian semula pengawal seliaan yang komprehensif untuk meningkatkan kecekapan dan menggalakkan lebih persaingan dalam pasaran modal.

Pada masa sama, perlindungan pelabur dipertingkatkan melalui pindaan dalam aspek pengawal seliaan seperti penzahiran dan, pengambilalihan dan percantuman.

Bagi memupuk budaya pematuhan dan membolehkan pengesanan awal risiko sistemik, SC memperluaskan lagi perimeter aktiviti pengawasan pasaran dan mengukuhkan rangka kerja sedia ada terhadap juruaudit serta syarikat awam tersenarai (PLC).